

PENCAK silat — seni mempertahankan diri yang dipusakai turun temurun oleh masyarakat Melayu kini mula menapak ke negara-negara Barat. Antaranya, rakyat Australia telah mulai mempelajarinya.

Berita Minggu

Ini bermula dengan kemunculan **JOHN WILL** — jaguh Pertandingan Pencak Silat Jemputan Antarabangsa — yang memenangi gelaran itu di Indonesia, Ogos lalu.

Dalam pertandingan pertama peringkat antarabangsa itu, warganegara Australia yang berumur 25 tahun itu memenangi medal emas bagi acara (65-70 kilogram — 143 ke 154 paun) dan juga piala keseluruhan Teladan (bagi gaya yang paling menarik).

Sejak namanya semakin dijulung, John terus membimbing ramai peminat silat di Kelab Pencak Silat Bakti Negara di Torquay, di persisiran pantai Victoria. Beliau mengajar 40 murid, dan kerap juga mengajar di Portland di Barat Victoria.

Menular

Bukan sahaja penduduk sekitar Victoria yang mula meminati seni mempertahankan diri ini, kelab-kelab silat lain juga menular ke ibu-ibu negeri Perth, Australia Barat dan Brisbane, Queensland.

John menunjukkan konsep termoden dalam latihan dan gerak geri seni mempertahankan diri yang popular di Indonesia, Malaysia dan Singapura. Beliau telah mempelajari selok belok latihan untuk ahli-ahli sukan dan ubat-ubatan yang banyak membantu ahli-ahli sukan di Barat.

Pelajar-pelajarnya juga telah mula menggunakan alat-alat membantu seperti memainkan semula tape video secara perlahan dan alatan tim-

Pencak silat menarik perhatian muda mudi di Australia

5 JUN 1983

bal balik bagi memastikan ketepatan waktu bertindak.

"Anda perlu menerima pembaharuan — terdapat banyak perkembangan baru secara saintifik yang boleh diketengahkan dalam seni mempertahankan diri ini," katanya. "Kebanyakan latihan secara tradisi tidak begitu berkesan lagi kini, ia diturunkan zaman berzaman tanpa cabaran."

Cara seni mempertahankan diri yang John ketengahkan adalah berbagai dan sesuai untuk tujuan pertandingan. Beliau mula sebagai amator ketika berumur 13 tahun dan masih bersekolah di bandaraya semenanjung Geelong. Beliau bekerja sambil ketika cuti sekolah untuk mengumpul wang membiayai tambangnya ke Bali pada tahun 1975. Itulah perjalanan pertamanya ke Indonesia, ketika berumur 18 tahun.

Beliau mula berguru dengan Bagus Keplug, ketua kelab pencak silat Bakti Negara di Denpasar, dan tinggal bersama keluarga itu.

Sekembalinya ke Australia, beliau membu-

ka sekolah gimnastik di Portland, dan memulakan kelab Pencak Silatnya sendiri, dengan ahli permulaan 35 orang.

John kembali tiga kali ke Indonesia, tinggal selama enam bulan setiap kali untuk menambah ilmu di bidang itu. Kebanyakannya ia kembali ke Denpasar bersama Bagus Alif Dira, yang mewarisi kelab seni silat Bakti Negara dari ayahnya.

Mewarisi

Hasil latihan ber-sungguh-sungguh, John yakin enam pelajarnya terhandal dapat memenangi kejohanan dunia. Beliau sedang merancang membawa kumpulannya ke Indonesia untuk mendapatkan pengalaman cabaran sebenar.

"Nampaknya rakyat Australia meminati pencak silat kerana ia benar-benar realistik, cara pendekatan yang praktikal untuk mempertahankan diri dan menyerang," tambahnya. "Lagi pun seni ini tidak terlalu terikat dan setiap orang boleh mencuba kebolehan dan kehandalan tersendiri." — *Petikan dari Khidmat Penerangan Australia.*